



warta DBKIL

Diterima dan direkodkan pada... 28/2/2001

Tangan

ISSN 1511 - 5364 SEPTEMBER - OKTOBER 2000
NASKHAH PERCUMA

PM RASMI TAMAN BUKIT JALIL



YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sedang berucap di Majlis Perasmian Taman Bukit Jalil

Pada 15 Oktober 2000 lalu, Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah merasmikan Taman Bukit Jalil. Perasmian tersebut serentak dengan Pelancaran Penanaman Pokok Alaf Baru oleh Perdana Menteri kita yang telah mengetuai rakyat Malaysia menanam pokok serentak di seluruh negara dalam masa satu minit.

Taman Bukit Jalil menempatkan satu kawasan yang dinamakan Laman Antarabangsa yang mempamerkan 10 taman mini hiasan dari luar negara iaitu Iran, Thailand, Kanada, Peru, Indonesia, England, Belanda, Jepun, China dan juga Malaysia.

Untuk memudahkan pengunjung yang berkereta dan membawa anak-anak pula, padang

letak kereta yang mencukupi disediakan berhampiran dengan tempat permainan kanak-kanak.

Taman Bukit Jalil akan menjadi taman tumpuan terbaru bagi pengunjung terutamanya yang tinggal di bahagian selatan Kuala Lumpur. Warga kota kini tidak tertumpu lagi di Taman Tasik Perdana, Taman Tasik Titiwangsa

KHABAR SEMASA

Taman Bukit Jalil	12
Kerajaan Arah Tutup Pusat Video	23
Kalendar Aktiviti Pelancaran 2001 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	24

WARTA MENARIK

- PM rasmi Taman Bukit Jalil
- Penyair dunia bertemu di Kuala Lumpur
- Di Ambang Merdeka 2000



Bersambung ke muka surat 11

PENANAMAN POKOK ALAF BARU - 3875 BATANG POKOK DITANAM DI KUALA LUMPUR -

Sempena Pelancaran Penanaman Pokok Alaf Baru di Taman Bukit Jalil oleh Perdana Menteri Malaysia pada 15 Oktober 2000, enam kawasan bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu Cheras, Kepong, Damansara, Setapak, Jalan Kelang Lama dan Sri Petaling terlibat dengan program tersebut.

Program Penanaman Pokok Alaf Baru dilancarkan di Taman Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Penanaman pokok di seluruh negara itu dijalankan secara serentak pada minit yang sama mengikut isyarat dari

Taman Bukit Jalil. Sebanyak 333 batang pokok ditanam di Taman Bukit Jalil. Keseluruhannya, sebanyak 3875 batang pokok berjaya ditanam di Kuala Lumpur

Acara bersejarah itu, menyaksikan 100 000 batang pokok ditanam di seluruh negara dalam masa 1 minit, turut dicatatkan dalam *Malaysia Book of Records*. Acara itu telah disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia. Perdana Menteri juga menandatangani sijil replika *Malaysia Book of Records* bagi mengesahkan penanaman 100 000 pokok.



YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sedang menanam pokok



Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sedang menandatangani replika *Malaysia Book of Records*

*Acara bersejarah itu,
menyaksikan 100 000 batang
pokok ditanam di seluruh
negara dalam masa 1 minit,
turut dicatatkan dalam
Malaysia Book of Records.*

DARI MEJA EDITOR

*R*erajaan sekali lagi melancarkan kempen kitar semula selepas kempen yang serupa dilancarkan pada 1993 menemui kegagalan.


Kerajaan telah mengenal pasti beberapa faktor kelemahan kempen tersebut iaitu kekurangan pusat pengumpulan kitar semula, promosi dan kesedaran masyarakat.

Sebanyak tiga jenis tong kitar semula telah diperkenalkan iaitu warna coklat untuk kaca, biru untuk kertas dan oren untuk plastik dan aluminium.

Tong-tong kitar semula purata akan diletakkan di pusat tumpuan orang ramai seperti kompleks membeli-belah, taman perumahan dan sekolah.

Kempen kitar semula ini bertemakan "*fikir dahulu sebelum di buang*".

Warga kota diminta supaya menggunakan beg atau bakul semasa membeli-belah di pasar raya sebagai sebahagian daripada tanda sokongan mereka.



Penasihat :

Tuan Hj. Izman Bin Hj. Ismail

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :

Zainon Binti Haji Alias

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan

Abd. Rhani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Edaran:

Ramlan Bin Salleh

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,
Jabatan Pengurusan Organisasi,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Atau berhubung dengan
Zainon Binti Haji Alias
Tel: 03-2691 6011 samb. 3855
Faks: 03-2698 0460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur

Laman Web DBKL: <http://www.tm.net.my/dbkl/>

E-Mel: dbkl_pro@tm.net.my